



# Menekuni Pengkajian Bahasa, Sastera dan Budaya demi Pelestarian Pengajian Melayu

MUKHLIS ABU BAKAR  
SA'EDA BUANG  
KARTINI ANWAR  
KAMSI AH ABDULLAH

*Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura*

Kajian tentang orang Melayu telah bermula sejak zaman kolonial lagi oleh sarjana kolonial yang juga berupa birokrat kerajaan British dan Belanda dengan tujuan memahami orang Melayu untuk kepentingan penjajahan (Collins, 1989). Pengajian Melayu sebagai bidang akademik berputik di rantau ini secara rasmi dengan tertubuhnya Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya di Singapura pada tahun 1952. Ketika itu, bidang Pengajian Melayu beracukan program serupa yang ditawarkan di Universiti London yang masih terbatas tumpuannya (Roolvink, 1962). Sejak merdeka, Pengajian Melayu di Singapura dan Malaysia telah berkembang dari segi jumlah universiti yang menekuni bidang ini, skop kajian, minat serta jenis-jenis kursus yang ditawarkan. Tumpuan pada bahasa dan sastera dan pendekatan yang diterima pakai dalam pengkajian kededua sub-bidang ini kini melampaui pendekatan-pendekatan yang dahulunya menjadi tulang belakang Pengajian Melayu. Edisi khas ini menghidangkan makalah-makalah yang boleh dianggap sebagai mewakili bidang Pengajian Melayu semasa yang juga menjanjikan pelestarian bidang ini ketika masyarakat rumpun Melayu bergelut dengan masalah-masalah baharu sesuai dengan kemajuan pesat manusia.

## **Perkembangan Minat dan Tumpuan**

Walaupun pada masa ini, bahasa dan sastera masih menjadi nadi penggerak utama para sarjana Pengajian Melayu, cakupan dan soalan-soalan yang ditekuninya lebih luas dan pelbagai. Kalau dahulu, bahasa dikaji dari sudut struktur linguistiknya, etimologi dan semantikanya, kini kajian bahasa mencakupi tatabahasa fungsional, fonologi, pragmatik, bahasa berkonteks sosial dan budaya, linguistik historis dan bandingan, kurikulum dan pedagogi bahasa, perancangan bahasa, bilingualisme dan lain-lain. Kajian-kajian ini dapat kita kesan perkembangannya dalam buku-buku dan jurnal-jurnal bahasa/linguistik yang diterbitkan kini (cth., Asmah Haji Omar, 2001;

Darwis Harahap, 1992; Hashim Musa, 1997; Juriah Long, 2002; Mashudi Kader, 2003; Nor Hashimah Jalaludin, 1992). Selain itu, terdapat juga usaha mempersoalkan perkembangan bahasa Melayu semasa secara kritis (Alisjahbana, 1976; Rustam Sani, 1993) walaupun hal ini belum mendapat perhatian penuh para sarjana Pengajian Melayu.

Kajian sastera berteraskan pendekatan filologi pernah digunakan untuk menenkuni pensejarahan sastera melalui manuskrip-manuskrip lama yang terhasil dalam tradisi lisan dan penyalinan tangan. Pendekatan filologi ini terus digunakan ketika teks-teks sastera wujud dalam bentuk bercetak. Teks-teks lama masih lagi digali dan dikaji, manakala untuk teks-teks bercetak, pendekatan-pendekatan moden, pasca-kolonial dan pasca-modern mula mengambil tempatnya. Sastera bandingan dan kritikan sastera menjadikan sastera sebagai suatu disiplin ilmu yang lebih mantap. Di samping itu, kajian sastera mampu berganding sama dengan kajian budaya. Sastera mendapat tempat dalam kajian dari sudut sosiologi, sejarah, etnografi dan bahasa. Secara keseluruhannya, melalui pendekatan filologi, bandingan sastera dan kritikan sastera, pengkajian sastera tidak bersifat statik tetapi berkembang mengikut konteks dan peredaran masa.

Selain itu, sarjana-sarjana tempatan telah menunjukkan upaya menjana teori-teori tempatan dengan mengambil daripada teori-teori barat dan menyesuaikannya dengan keperluan tempatan hingga menjadi kerangka-kerangka yang unik dalam pengkajian sastera mahupun bahasa Melayu. Antaranya ialah Teori Puitika Sastera Melayu (Muhamad Haji Salleh), Teori Teksdealisme (Mana Sikana), Teori Persuratan Baru (Mohd Affandi Hassan), Teori Takmilah (Shafie Abu Bakar), RasaFenomenologi (Sohaimi Abdul Aziz), Konseptual Kata Kunci (Mohamad Mokhtar Abu Hassan) dan Analisis Wacana Mega (Sanat Nasir). Keperkasaan gagasan dalam teori-teori tempatan ini yang mendapat perhatian para sarjana dan pengkaji bahasa dan sastera perlulah pula diimbangi dengan usaha meneliti secara kritis teori-teori ini dan menilai keberkesanannya ke atas kajian bahasa, sastera, dan pemikiran Melayu secara umum.

Minat awal para sarjana untuk memerihalkan apakah itu budaya Melayu kini meluas kepada pelbagai kegiatan budaya tradisional seperti perbomohan, kesenian dan permainan asli demi membina khazanah budaya warisan yang dapat diamati generasi masa hadapan (Wan Abdul Kadir Yusoff, 2000). Juga minat yang meluas untuk merakam, memerhati dan memahami fungsi bentuk-bentuk seni tradisional, termasuk tradisi lisan, dalam masyarakat moden. Ini sejajar dengan minat di seluruh dunia secara umum untuk menggembeleng 'pengetahuan lokal' dan 'budaya tradisional' dan menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa (Sutarto, 2011). Dalam pada itu muncul suara-suara yang menganjurkan kepedulian akademik terhadap permasalahan masyarakat (Alatas, 1977) yang kurang ditekuni para sarjana Pengajian Melayu (Shaharuddin Maaruf, 1998).

### **Sajian Makalah**

Kelanjutan minat memerihalkan intipati budaya Melayu yang telah berputik dari awal Pengajian Melayu melalui penyisipan hal tersebut dalam bidang bahasa dan sastera kini semakin terserlah. Pemerhatian terhadap sari-sari budaya Melayu kini

mengambil tempatnya sebagai kajian bersifat mikro budaya yang tidak kurang pentingnya. Kajian Marlyna Maros tentang kesantunan merupakan satu contoh kajian budaya di tahap mikro yang ingin kami ketengahkan dalam edisi *e-Utama* kali ini. Makalah ini bukan sahaja menarik tetapi menambah nilai kepada ilmu pragmatik, khususnya dalam bidang kesantunan bahasa di kalangan orang Melayu dan bagaimana mereka berbeza dengan orang Cina sebagaimana yang ditemui oleh para sarjana lain. Makalah ini memang relevan pada masa ini sesuai dengan konteks situasi dan sosio-ekonomi orang Melayu masa kini yang semakin ramai menjadi warga kota, mantap dari segi ekonomi daripada yang sebelumnya, dan penting sekali, kini amat terdedah kepada budaya dan nilai barat.

Dalam makalah yang berikutnya pula, Sukardi Gau mengemukakan satu kajian awal tentang dialek Melayu di Papua, yang kajian seperti ini tidak banyak dilakukan oleh penyelidik lain. Makalah ini merupakan satu kerangka pengenalan yang berkaitan dengan dialek Melayu di Papua, yang membicarakan aspek varian Melayu Papua sebagai cabang bahasa Melayu Maluku; faktor-faktor penyebarannya; diversiti dan peranannya; fenomena penggunaan dialek Melayu ini dengan bahasa Indonesia di Papua; dan pemerian ringkas ciri-ciri linguistik bahasa Melayu di Papua (afiksasi, bentuk penyingkatan, jenis kata, pemarkah frasa dan jenis klausa serta leksikon). Makalah ini mengandungi maklumat yang berguna kepada mereka yang tidak begitu tahu tentang kawasan geolinguistik yang dibincangkan.

Makalah tulisan Mazlan Hj. A. Karim dan A. Rahman Hj. Mohamed membawa kita ke persimpangan bahasa dan seni, khususnya peranan dan fungsi karya seni visual sebagai ungkapan perasaan peribadi terhadap peribahasa dan bidalan yang merupakan warisan tradisional Melayu. Dengan mengambil contoh dua cetakan, makalah ini memberi pemahaman tentang sempadan (*interface*) yang rumit antara sastera dan seni, antara lisan dan visual, antara tradisional dan moden dalam seni cetak Malaysia semasa, yang kini sangat terlibat dalam usaha mencari ciri-ciri khusus kemelayuan. Makalah ini menarik terutama kerana keupayaan penulis melihat butir-butir kecil tentang bentuk dan mesej dalam cetakan yang dibincangkannya yang mengungkapkan sempadan yang disebut tadi. Kesudahannya, kita pastinya akan bersetuju dengan usaha penulis yang menyifatkan cetakan yang pertama sebagai cerminan nostalgia pelukis terhadap budaya tradisional yang sama sekali berbeza dengan keseragaman moden tentang apa sahaja, atau cetakan kedua sebagai imej pemahaman pelukis tentang keharmonian antara manusia dengan alam. Kedua-dua artefak adalah ungkapan-ungkapan kemelayuan yang bercirikan permainan antara 'yang tersurat' dan 'yang tersirat'.

Makalah seterusnya tulisan Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir merupakan satu usaha serius untuk mengupas tentang "wacana sastera Islam" dalam kesusasteraan Melayu dengan meletakkannya dalam konteks wacana sastera Islam di dunia Arab. Makalah ini dihasilkan di saat konsep Sastera Islam sudah kurang mendapat perhatian. Sastera Islam pernah mendapat tempat dalam polemik sastera di Malaysia pada tahun 1970-an. Dalam makalah ini, penulis berusaha untuk mengetengahkan konsep Sastera Islam dengan membandingkan pandangan dua tokoh yang datang dari latar geografi yang berbeza iaitu Mohd Affandi Hassan dan Abu al-Hassan Ali al-Nadwi. Penulis mencadangkan penggunaan pendekatan Tauhid dan melihat sastera dalam pengertian '*al-adab*' iaitu ilmu dalam estetika, yang

dapat menyentuh aspek rohani, jasmani dan akal khalayak sastera. Melalui penelitian gagasan kedua-dua tokoh tersebut tentang Sastera Islam, makalah ini menawarkan hasil-hasil pengamatan yang penting, menarik dan relevan kepada pengkaji-pengkaji silang bidang atau *multidisciplinary*, terutamanya yang berkaitan dunia Melayu dan Arab.

Dunia kota menjadi tumpuan pengamatan Razif Bahari dalam penelitiannya terhadap puisi-puisi Indonesia. Menurut beliau, konsep pembangunan yang diuar-uarkan sejak Zaman Orde Baru di Indonesia disinggul oleh penyair-penyair yang membawa suara penentangan terhadap konsep pembandaran atau perkotaan Jakarta. Konsep 'kota dalam 'kota' menampilkan isu pergelutan di antara ruang yang diberikan kepada masyarakat kaya dan ruang terpinggir untuk masyarakat miskin – yang kededuanya merupakan penghuni 'kota' Jakarta. Suara-suara keresahan ini terdengar berdentung dalam puisi Rendra, Putu Oka Sukanta dan Afrizal Malna. Penulis memperlihatkan bagaimana 'desa' atau 'kampung' menjadi metafora atau ilusi yang kian terhakis dalam kehidupan golongan miskin yang terpaksa menyisipkan kehidupan mereka dalam kesempitan keadaan dan kawasan kemiskinan di tengah-tengah dunia gergasi kehidupan kaum konglomerat yang terpacu laju. Puisi-puisi yang ditampilkan dalam makalah ini memperlihatkan keresahan dan keprihatinan para penyair yang menganjurkan suatu renungan terhadap proses urbanisasi yang berlaku di Indonesia dan pada masa yang sama menindas dan meminggirkan kehidupan golongan tertentu.

Dominasi, penindasan dan ketidakadilan juga gejala yang dikhuatiri menjerat warga rumpun Nusantara jika tidak berhati-hati dalam usaha membina jalinan kebudayaan serantau dan serumpun. Demikian pengamatan Azhar Ibrahim dalam makalahnya yang padat dengan saranan bagaimana rasa keserumpunan dapat diteguhkan tanpa menafikan realiti kepelbagaian budaya yang berlangsung dalam masyarakat masing-masing; sebaliknya saling menghargai wacana sastera dan intelektual satu sama lain. Menurut beliau, setiap kelompok masyarakat harus membina budaya lokal yang luas pengertiannya (bukan yang sempit sebagai warisan kesenian dan estetika belaka), yang transformatif, dan seiring pula dengan wadah intelektual serantau dan sejagat. Kesejagatan pula, atau lebih tepat lagi 'globalisasi', tidak bermakna hanya satu paradigma kebudayaan yang dapat dianggap 'universal' dan 'relevan' kepada kemanusiaan keseluruhannya.

Makalah terakhir membicarakan tentang kaunseling yang merupakan satu bidang Pengajian Melayu yang agak kurang mendapat penelitian dalam bentuk kajian jikalau dibandingkan dengan kajian bahasa, sastera dan budaya. Oleh itu, percubaan untuk mengkaji masyarakat Melayu atau penduduk Nusantara melalui bidang ini sebagaimana yang tertera dalam makalah tulisan Susi Fitri amat dialu-alukan. Makalah ini mengemukakan satu kajian kes berkaitan kaunseling berdasarkan salah satu teori terkini, yakni '*narrative counseling*'. Pembicaraan dan kajian berlandaskan teori ini merupakan suatu sumbangan yang agak segar dalam korpus kaunseling masyarakat Melayu, lebih-lebih lagi apabila teori ini digandingkan dengan kesedaran bahawa sekitaran (dalam teori '*social constructionism*') memainkan peranan yang penting dalam membentuk kesedaran diri si kaunselor dan yang dinasihatinya.

Secara keseluruhannya, makalah-makalah dalam edisi kali ini dapat memperlihatkan usaha untuk menangani topik yang dibincangkan secara kritis, mengun-

dang perhatian lanjut terhadap idea dan gagasan berkaitan topik-topik masa kini dan kebudayaan Melayu secara keseluruhannya. Selain itu, makalah-makalah ini berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan idea dan penilaian kritis terutamanya terhadap gagasan Pengajian Melayu.

## Kesimpulan

Pastinya, pelestarian Pengajian Melayu dapat berlangsung dengan lebih ampuh jika minat para sarjana dapat diimbangi dengan usaha ke arah memahami halangan-halangan yang membelenggu masyarakat Melayu, contohnya halangan yang menghalang bahasa Melayu daripada menjadi bahasa yang berkesan dalam bidang saintifik, intelektual, budaya dan ekonomi. Kajian-kajian dalam bidang sastera dan budaya, sama ada pada tahap mikro dan makro, intra-mandala atau silang budaya atau bandingan harus berterusan demi mengangkat Pengajian Melayu di tahap yang lebih tinggi dan harmonis dengan kemajuan ilmu pengetahuan. *E-Utama* bercita-cita dapat terus berperanan dalam usaha melestarikan Pengajian Melayu pada masa-masa yang mendatang melalui kajian dan wacana ilmu yang kritikal, semakin matang dan membangun kemanusiaan.

## Rujukan

- Alatas, S. H. (1977). *Intellectuals in Developing Societies*. London: Cass.
- Alisjahbana, S. T. (1976). *Language Planning for Modernization: The Case of Indonesia and Malaysia*. The Hague: Mouton & Co.
- Asmah Haji Omar (2001). Language and language situation of Southeast Asia. *Jurnal Bahasa Modern*, 13, 17-35.
- Collins, J. T. (1998). *Malay, World Language: A short history*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Darwis Harahap (1992). *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Musa (1997). *Sejarah Sistem Tulisan dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Juriah Long (2002). *Pendidikan Bahasa Melayu: Antara Hasrat dengan Perlaksanaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mashudi Kader (2003). Kategori kosong pro yang berfungsi frasa nama. *Jurnal Bahasa*, 3(9), 391-416.
- Nor Hashimah Jalaluddin (1992). Implikatur: Satu aspek seni berbahasa orang Melayu. *Dewan Bahasa*, 36(8), 676-690.
- Roolvink, R. (1962). *Pengajian Melayu: Sharahan Penerimaan Jawatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu.
- Rustam Sani (1993). *Politik dan Polemik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Shaharuddin Maaruf (1998). Possibilities for Alternative Discourses in Southeast Asia: Ideology and the Caricature of Culture. Kertas kerja *Alternative Discourses in the Social Sciences and Humanities*, 30 Mei-1 Jun, Universiti Nasional Singapura, Singapura.
- Sutarto, A. (2011). Sastra Bandingan dan Sejarah Sastra. Kertas kerja *Kuliah Sastera Bandingan MASTERA*, 27 Oktober, Institut Pendidikan Nasional, Singapura.

**e-UTAMA**, Jilid 3 (2011)

Wan Abdul Kadir Yusoff (2000). Pengajian Melayu dalam Menghadapi Cabaran Globalisasi. Dlm Mohd Razali Agus & Fashbir Noor Sidin (ed.), *Pembangunan dan Dinamika Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.